



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 22 JULAI 2022**

| <b>BIL</b>            | <b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>  | <b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>                              |
|-----------------------|--|--|
| 1.<br>2.<br>3.        | MALAYSIA TIDAK BERDEPAN MASALAH KEKURANGAN BERAS,<br>UTUSAN BORNEO -ONLINE<br>MALAYSIA NOT FACING RICE SHORTAGE ISSUES, SAYS MINISTER,<br>UTUSAN BORNEO -ONLINE<br>TINGKAT SSL BERAS, DAGING DAN SUSU ANTARA PERHATIAN MAFI,<br>UTUSAN BORNEO -ONLINE                    | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)                  |
| 4.<br>5.<br>6.        | 10,000KG KETAM BEKU KENA RAMPAS, LOKAL, HM -30<br>MAQIS RAMPAS 10 TAN KETAM SEJUK BEKU, NEGARA, KOSMO -16<br>10,000KG KETAM SEJUK BEKU BERNILAI RM46,000 DIRAMPAS,<br>NEGERI SELANGOR, SH -2   | JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN<br>MALAYSIA (MAQIS) |
| 7.<br>8.<br>9.<br>10. | LAKSA TELUR GORENG SARANG LARIS DI HPPNM, DALAM NEGERI, UM -32<br>PENTERNAKAN LEBAH PERLU LEBIS LESTARI, GAYA ALAM, UM -26 & 27<br>POLISI KESELAMATAN MAKANAN PERLU JELAS DAN KONKRIT, NASIONAL,<br>SH -12 & 13<br>KAMPUNG PENYU OFFERS TO SAHRE INFO, NEWS, THE STAR -3 | LAIN-LAIN  |

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH    | MEDIA         | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|---------|------------|
| 22/7/2022 | UTUSAN BORNEO | ONLINE  |            |

## Malaysia tidak berdepan masalah kekurangan beras



Ronald pada Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Parlimen ke-14 bagi Dewan Rakyat ketika berlangsung di Bangunan Parlimen semalam. - *Gambar BERNAMA*

KUALA LUMPUR: Malaysia tidak berdepan masalah kekurangan beras malah simpanan yang ada melebihi jumlah stok di negara jiran, kata Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata melalui perjanjian antara kerajaan dan Padiberas Nasional Bhd (Bernas), syarikat itu dalam tanggungjawab sosial korporatnya (CSR) menyatakan komitmen untuk meningkatkan simpanan stok padi beras negara daripada 150,000 kepada 290,000 tan metrik.

"Kita mempunyai bekalan beras yang konsisten sepanjang tahun, kita ada stok perdagangan, kita ada simpanan stok dan jumlah keseluruhan adalah lebih tujuh bulan daripada keperluan beras negara," katanya ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Kawalan Padi dan Beras (Pindaan) 2022 di Dewan Rakyat hari ini.

Ronald turut menyifatkan keputusan kerajaan melanjutkan tempoh konsesi Bernas sebagai satu tindakan tepat dalam menampung bekalan beras yang menjadi makanan ruji negara.

Beliau berkata meskipun berdepan pandemik COVID-19 dan penutupan sempadan negara, Malaysia setakat ini tidak mempunyai masalah bekalan beras kerana Bernas menjalankan tanggungjawabnya bagi memastikan kekurangan bekalan dalam negara ditampung dengan pengimportan beras.

"Saya ingin katakan bahawa keputusan kerajaan ini merupakan satu keputusan yang tepat dan Bernas telah diletakkan sepenuh tanggungjawab untuk memastikan kekurangan beras negara dapat ditampung dengan pengimportan dari negara luar," katanya.

Beliau menjawab celahan Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka) yang bertanyakan mengenai rasional keputusan kerajaan melanjutkan tempoh konsesi Bernas selama 10 tahun sebagai pengimport tunggal beras.

Sebelum ini, kerajaan bersetuju melanjutkan konsesi Bernas bagi pengedaran beras di Malaysia untuk tempoh 10 tahun lagi bermula 11 Jan 2021 hingga 10 Jan 2031.

Dewan Rakyat kemudian meluluskan Rang Undang-Undang Kawalan Padi dan Beras (Pindaan) 2022 yang antara lain bertujuan menambah baik peruntukan sedia ada terutama berhubung pelantikan Timbalan Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras. - BERNAMA

| TARIKH    | MEDIA         | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|---------|------------|
| 22/7/2022 | UTUSAN BORNEO | ONLINE  |            |

## Malaysia not facing rice shortage issues, says minister



Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Ronald Kiandee winding up the debate on the Control of Padi and Rice (Amendment) Bill 2022 at the Dewan Rakyat, July 19, 2022. — Bernama photo

KUALA LUMPUR (July 19): Malaysia is not facing any issues of rice shortage, and existing stockpiles exceed stocks in neighbouring countries, Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Ronald Kiandee said.

Through agreements between the government and Padiberas Nasional Bhd (Bernas), the company, under its corporate social responsibility (CSR), had stated its commitment to increasing national rice stocks from 150,000 metric tonnes to 290,000 metric tonnes.

“We have consistent rice supply throughout the year, we have trading stock, we have our stockpiles and our overall total is over seven months more than the country’s rice needs,” he said when winding up the debate on the Control of Padi and Rice (Amendment) Bill 2022 at the Dewan Rakyat today.

Ronald also answered a question by Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka), who asked about the rationale behind the government’s decision to extend the period of Bernas’ concession as the sole rice importer for the next 10 years.

He said the decision was the correct step in sustaining the supply of rice and that Bernas carried out its duties of ensuring supply in the country through the importation of rice, even with the Covid-19 pandemic and closed borders.

The government had previously agreed to extend the concession for a period of 10 years beginning January 11, 2021 till January 10, 2031. The Control of Padi and Rice (Amendment) Bill 2022 was passed by the Dewan Rakyat today. — Bernama

| TARIKH    | MEDIA         | RUANGAN | MUKA SURAT |
|-----------|---------------|---------|------------|
| 22/7/2022 | UTUSAN BORNEO | ONLINE  |            |

## Tingkat SSL beras, daging dan susu antara perhatian MAFI



Ahmad ketika sidang media pada Majlis Sambutan Hari Inovasi Jabatan Pertanian 2022 di Wisma Tani hari ini. - *Gambar BERNAMA*

PUTRAJAYA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sedang memberi perhatian untuk meningkatkan tahap sara diri (SSL) bagi beras, daging dan susu, kata Timbalan Menteri Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Inovasi Jabatan Pertanian Tahun 2022 di sini hari ini, Ahmad berkata SSL bagi ayam dan telur buat masa ini adalah mencukupi.

"Tetapi sektor lain seperti beras, daging, susu dan lain-lain tidak cukup. Ini akan diberi perhatian.

"MAFI sekarang bergerak ke arah tersebut supaya dapat memenuhi SSL serta mengurangkan kebergantungan kepada barang import," katanya ketika ditanya mengenai langkah yang diambil MAFI dalam melaksanakan program berkaitan sekuriti makanan negara.

Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada 19 Julai lepas telah meminta MAFI melaksanakan program berkaitan sekuriti makanan negara dengan segera.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Datuk Zahimi Hassan berkata Kementerian Sumber Manusia (KSM) dalam satu mesyuarat semalam telah bersetuju memberikan kelulusan kepada 3,200 pekerja asing bagi sektor pertanian.

"Pemohon-pemohon perlu membuat tindakan selanjutnya selaras dengan peraturan yang ada," katanya ketika ditanya sama ada sektor pertanian terjejas susulan pasaran buruh negara yang kini berdepan kekurangan tenaga kerja asing. - BERNAMA



## 10,000kg ketam beku kena rampas

**Pelabuhan Klang:** Sebanyak 10,000 kilogram (kg) ketam sejuk beku dari Indonesia dirampas di Pelabuhan Klang Barat di sini, Isnin lalu.

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Selangor berkata, ketam sejuk beku itu ditemui hasil pemeriksaan rutin yang dijalankan, sebelum mendapati kontena mengandungi produk itu tidak mempunyai sebarang permit import sah yang dikeluarkan oleh agensi itu.

"Keseluruhan hasil dagangan yang dianggarkan berjumlah 10,000 kilogram (kg) dengan nilai anggaran RM46,000 ditahan untuk tindakan lanjut.

"Kontena itu disita dan kes disiasat mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

"Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Mengulas lanjut, katanya, Maqis akan sentiasa memastikan tindakan penguatkuasaan undang-undang terus diperluaskan di semua pintu masuk negara bagi memantau dan memeriksa setiap keluaran pertanian yang diimport ke negara ini bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar serta mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan.



KONTENA berisi ketam sejuk beku seberat 10,000kg yang dirampas Maqis.



Dibawa dari Indonesia tanpa permit import sah

# Maqis rampas 10 tan ketam sejuk beku

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

**KLANG** – Sebuah syarikat pem-bekal hidupan laut tidak sempat memasarkan 10,000 kilogram atau 10 tan ketam sejuk beku dari Indonesia selepas produk itu di-tahan di Pelabuhan Klang Barat, baru-baru ini.

Penahanan produk tersebut dilakukan kira-kira pukul 4.10 pe-tang, Isnin lalu selepas didapati tidak mempunyai sebarang per-mit import sah.

Jabatan Perkhidmatan Kua-rantin dan Pemeriksaan Malay-sia (Maqis) Selangor berkata, berdasarkan siasatan awal men-dapati kesemua ketam itu adalah untuk pasaran tempatan.


Menurutnya, ini merupakan kesalahan pertama dilakukan syarikat tersebut yang telah ber-operasi sejak 2018.

“Hasil pemeriksaan rutin yang dijalankan mendapati, kontena yang membawa ketam sejuk beku dari Indonesia itu tidak mempu-

nyai sebarang permit import sah yang dikeluarkan oleh Maqis.

“Keseluruhan hasil dagangan dianggarkan sebanyak 10,000kg bernilai kira-kira RM46,000 kini ditahan untuk tindakan lanjut,” katanya dalam kenyataan se-malam.

Maqis turut menegaskan, kontena tersebut disita dan kes disiasat di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].



RAMPASAN ketam sejuk beku dibuat Maqis di Pelabuhan Klang Barat.



| TARIKH    | MEDIA        | RUANGAN         | MUKA SURAT |
|-----------|--------------|-----------------|------------|
| 22/7/2022 | SINAR HARIAN | NEGERI SELANGOR | 25         |

## 10,000kg ketam sejuk beku bernilai RM46,000 dirampas

**PELABUHAN KLANG** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas 10,000 kilogram (kg) ketam sejuk beku dari Indonesia di Pelabuhan Barat, pada Isnin lalu.

Menurut Maqis Selangor dalam satu kenyataan pada Khamis, pemeriksaan kira-kira jam 4.10 petang yang dijalankan mendapati kontena yang membawa ketam sejuk beku itu tidak mempunyai sebarang permit import sah.

“Keseluruhan hasil dagangan yang dirampas bernilai RM46,000.

“Maqis telah menyita kontena tersebut untuk siasatan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728],” menurut kenyataan tersebut.

Menurut Maqis lagi, jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Tegas Maqis, pihaknya akan sentiasa memastikan tindakan penguatkuasaan undang-undang terus diperluaskan di semua pintu masuk negara.



**Maqis Selangor merampas ketam sejuk beku bernilai RM46,000 di Pelabuhan Klang pada Isnin lalu.**

| TARIKH    | MEDIA           | RUANGAN      | MUKA SURAT |
|-----------|-----------------|--------------|------------|
| 22/7/2022 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 32         |

## Laksa telur goreng sarang laris di HPPNM



**AZRIL Bidin dibantu Nurazwani Mohd. Ridzuan sedang memasak kuah laksa di MITC, Ayer Keroh, Melaka. - UTUSAN/AMRAN MULUP**

**MELAKA:** Sentuhan air tangan resipi dari Perak menjadi rahsia gerai Laksa Telur Goreng Bersarang Botani Ipoh paling laris dijual dan mendapat perhatian pengunjung pada Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Melaka (HPPNM) 2022 yang berakhir Ahad lalu.

Sepanjang tempoh tiga hari program berlangsung di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh di sini, menu berkenaan adalah antara yang mencuri perhatian.

Ketika ditemui *Utusan Malaysia*, penjualnya, Azril Bidin, 40, berkata, dia berjaya menjual sebanyak 135 kilogram (kg) laksa dengan menggunakan 120 kg ikan kembung untuk menghasilkan kuahnya.

Menurutnya, dia sendiri tidak menyangka laksa dijual akan mendapat sambutan luar

biasa pengunjung dan setiap hari dua periuk besar kuah habis dijual.

“Laksa yang saya jual ini laris kerana keunikan namanya dan ramai pengunjung di MITC berasa pelik dengan laksa ini yang menggunakan telur dadar, bukannya telur rebus. Selain daripada itu, harga yang saya jual murah iaitu RM6 sepinggan.

“Bagi saya, paling penting ialah rasa kuah laksa itu sendiri. Rasa yang enak menyebabkan ada pelanggan datang berulang kali ke khemah yang saya sewa di MITC,” katanya yang dibantu isteri, Nurazwani Mohd. Ridzuan, 36.

Azril berkata, ada juga dalam kalangan pelanggan yang datang ke gerainya dan beranggapan laksa yang dijualnya ada kena-mena dengan sarang burung.



LEBAH sangat sensitif terhadap pencemaran dan gangguan dalam tahap persekitaran yang sihat.



Jaminan keselamatan makanan akan datang

## Penternakan lebah perlu lebih lestari



Oleh NUR SYAMILA  
KAMARUL AREFIN  
gayautusan@mediamula.com.my

**D**i negara Slovenia, penternakan lebah adalah sebahagian daripada budaya penduduk di sana dengan seorang daripada setiap 200 orang penduduk bekerja sebagai penternak lebah atau penjaga sarang lebah.

Ketua program penternakan lebah dalam Persatuan Penternak Lebah Slovenia, Peter Kozmus pernah berkata, lebah yang hidup sihat di bandar membuktikan bahawa bandar berkenaan adalah sebuah bandar yang mempunyai persekitaran sihat.

Kenyataan itu sebenarnya telah dibuktikan dengan pelbagai kajian saintifik yang membuktikan bahawa lebah adalah petunjuk bio yang sangat penting kerana spesies haiwan ini sangat sensitif terhadap pencemaran dan gangguan dalam tahap persekitaran yang sihat.

### KEUNIKAN SARANG LEBAH

Sarang lebah sangat unik



KESEDARAN masyarakat tempatan berhubung penternakan lebah mampu menjamin kelestarian alam sekitar masih rendah.

dan dikenali sebagai komb. Komb dibina oleh lebah melalui pengeluaran lilin dari bahagian gelanda lilin yang terdapat pada anggota badan lebah pekerja.

Komb lebah merupakan satu penghasilan seni bina

yang sungguh menakjubkan.

Semua selnya dibuat dalam saiz yang sama dan ukuran yang tepat.

Bagi menggunakan ruangan sepenuhnya, lebah memilih cara membina kombnya dari sel yang

berbentuk heksagon atau enam segi sama.

Melalui bentuk pembelajaran bentuk segi poligon dengan enam sisi dan enam bucu. Sudut dalaman untuk heksagon



**Sekiranya dilakukan dengan betul, tidak mustahil Malaysia akan menerajui dunia dalam usaha ini dan menjadi ikutan dan panduan bagi negara lain kelak."**

DR. NORHASHIDA ZAWAWI



biasa iaitu semua sisi dan semua sudut adalah sama.

#### KELESTARIAN PENTERNAKAN LEBAH

Namun begitu, menurut Pensyarah Kanan, Fakulti Sains dan Teknologi Makanan (FSTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Norhasnida Zawawi, tahap kesedaran penduduk Malaysia tentang penternakan lebah yang lestari dalam menghasilkan madu lebah masih rendah.

Masih banyak pokok di kawasan hutan yang ditebang dalam usaha mendapatkan sarang lebah untuk penternakan.

"Ini kerana kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara tropika yang sangat kondusif secara semulajadi bagi penternakan lebah terutamanya lebah daripada spesies kelulut tidak harus disia-siakan.

"Secara keseluruhannya banyak manfaat dari segi peningkatan ekonomi rakyat dan negara melalui persekitaran yang bersih, peningkatan hasil tanaman dan penternakan serta taraf kesihatan rakyat yang lebih baik boleh diperolehi dengan perancangan serta

#### CIRI-CIRI LEBAH

- » Terdapat kira-kira lebih 16,000 spesies lebah dikenali dalam tujuh keluarga biologi
- » Serangga sosial yang hidup berkeloni.
- » Koloni lebah sekitar 10,000 hingga 60,000 lebah.
- » Koloni terdiri daripada ratu, lebah jantan dan lebah pekerja

pengurusan yang baik tanpa mengira kefahaman politik, bangsa atau perbezaan lain antara semua pihak yang terlibat," katanya.

Tambahnya, sekiranya dilakukan dengan betul, tidak mustahil Malaysia akan menerajui dunia dalam usaha ini dan menjadi ikutan dan panduan bagi negara lain kelak.

Di samping itu, penggunaan racun yang keterlaluan dalam aktiviti pertanian secara umumnya juga masih berleluasa yang



MALAYSIA merupakan negara yang sesuai untuk menternak lebah kerana kedudukan sebagai sebuah negara tropika.



NEGARA mampu menerajui usaha penternakan dan tanaman yang bersih serta sihat.

memberikan kesan terhadap pembiakan lebah dan penghasilan madu dalam industri lebah.

Sementara itu, Pensyarah Kanan, Jabatan Perlindungan Tumbuhan, Fakulti Pertanian, UPM, Dr. Syari Jamian pula berkata, dengan meningkatkan penternakan lebah, bilangan pokok yang ditanam semakin meningkat menjadikan hasil pertanian semakin bertambah dan kualiti udara juga menjadi semakin bersih.

"Potensi madu lebah terutamanya madu daripada spesies lebah kelulut (meliponine) adalah sangat besar di Malaysia yang berpotensi untuk menghasilkan dan memelihara lebah secara komersial kerana negara ini mempunyai sumber makanan atau manisan yang

mencukupi bagi lebah.

"Dunia mengetahui bahawa lebah merupakan agen penting untuk proses pendebungaan tumbuh-tumbuhan.

"Pemeliharaan dan pemuliharaan ekosistem lebah amat penting bagi mengimbangi alam sekitar. Tanpa lebah, tanaman tidak dapat menghasilkan buah-buahan yang kita nikmati pada masa kini," ujarnya.

Oleh itu, pada tahun 2019, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di Malaysia telah melancarkan Pelan Pembangunan Industri Kelulut Negara 2020-2030.

Hakikatnya, masih banyak lagi usaha yang perlu dilakukan oleh semua pihak dalam melestarikan penternakan lebah dan menjadikan madu sebagai makanan yang lestari.





# Polisi keselamatan makanan perlu jelas dan konkrit

**T**imbangan Presiden Parti Amanah Negara (Amanah), Datuk Seri Salahuddin Ayub mempunyai pendekatan sendiri dalam mendepani isu keselamatan makanan di Malaysia. Bekas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani itu berkata, kerajaan tidak seharusnya terburu-buru dalam menetapkan dan mengubah sesuatu polisi dan dasar kerana ia akan memberi impak kepada rakyat.

Menurutnya krisis keselamatan makanan yang berlaku dalam negara perlu ditangani

bagi mengelak kesan lebih buruk namun situasi menang-menang antara pengguna dan pemain industri harus ada bagi mengimbangi rantaian bekalan makanan di Malaysia.

Ikuti kupasan beliau mengenai pelbagai isu dibangkitkan dalam wawancara eksklusif di kendalikan oleh Tokoh Wartawan Negara, Tan Sri Johan Jaaffar di Kompleks Kumpulan Karangkrif, Shah Alam pada Rabu.



**JOHAN:** Yang Berhormat (YB) pernah menjadi Menteri Pertanian, tentunya tentang isu keselamatan makanan, apakah YB dapat bayangkan kita akan sampai kepada peringkat ini?

**SALAHUDDIN:** Keselamatan makanan ini adalah isu global dan ia dibincangkan dalam banyak forum antarabangsa. Dunia barat dan negara maju di timur pun telah bersedia sebenarnya.

Walaupun maju sebagai negara industri namun bidang pertanian itu mereka tidak tinggalkan. Cuma pengalaman saya sebagai Menteri Pertanian walaupun singkat hanya 22 bulan, saya faham kedudukan sebenar negara pada tahun 2018.

Tun Dr Mahathir Mohamad semasa menjadi Perdana Menteri keempat negara ketika itu fokus menjadi negara industri, dan memang kita tidak boleh nafi Malaysia pada masa itu harus bergerak pantas sebanding dengan negara jiran yang lain.

Setelah beliau menjadi Perdana Menteri ketujuh baru kita sedar pentingnya bidang industri makanan dan bersedia untuk menghadapi krisis keselamatan makanan.

Kita ada dasar agromakanan negara yang dikemukakan Kementerian Pertanian, dan saya lihat akhirnya Kementerian Pertanian tidak boleh bergerak sendiri.

Contohnya, jelapang padi di Kedah, tanah-tanah di situ tidak diwartakan sebagai jelapang padi. Arus pembangunan pesat hingga tanah-tanah bendang terpaksa diberikan kepada pemain industri termasuk kilang.

Namun pada masa depan apa jaminan jelapang padi ini akan kekal baik di Kerian, Perak dan Sekinchan, Selangor. Saya telah beri cadangan kepada kabinet pada ketika itu bahawa perlu ada satu polisi jelas tentang pertanian negara dan keselamatan makanan.

Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri selama 22 tahun. Malaysia melalui industri realisasi yang luar biasa namun aspek pertanian terabai, apa yang Datuk Seri boleh buat

dalam tempoh 22 bulan itu?

Kena ada polisi yang jelas, tanpa polisi yang jelas dan konkrit, kita tidak boleh bergerak ke mana-mana.

**Apa yang berlaku dengan polisi itu sekarang?**

Tidak sempat, 22 bulan walaupun ada dasar agromakanan, kita cuma boleh reformasi. Kita ada Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Persatuan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan kita cuba dalam waktu terdekat mewujudkan estet padi.

Bayangkan tanah-tanah bendang itu, seorang petani hanya memiliki satu, dua relung, satu hektar, setengah hektar pun ada, macam mana kita nak gambarkan masa depan jelapang padi kita ini.

Jadi kita kemukakan 'smart sawah', semua telah digerakkan tapi masa itu tidak mengizinkan. Atas dasar itu saya harap Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sekarang ini dapat dikemukakan satu polisi jelas.

**Bukan sahaja kerajaan berubah, apabila menteri berubah, dasarnya juga akan berubah, macam 'sekali air bah, sekali pantai berubah' apa komen YB?**

Itu cabaran besar. Jika kita tidak serius dalam keselamatan makanan, kita akan hadapi ancaman kebuluran, ini yang kita bimbangkan.

Peperangan Ukraine dan Rusia tidak tahu bila akan selesai, harga bijirin meningkat semasa perang, apa jaminan kita? *Self sufficient level* (SSL) tentang beras. *Stockpile* (bekalan stok) kita hanya bertahan 22 hari jika berlaku peperangan sedangkan negara China bertahan 11 bulan; Singapura enam bulan; Thailand dan Vietnam boleh bertahan tiga hingga empat bulan. Kerajaan hari ini perlu melihat perkara itu sebagai satu cabaran besar.

Pada waktu saya di Bangkok menghadiri mesyuarat ASEAN berkenaan keselamatan makanan, walaupun ada 'ASEAN food agreement' dan negara jiran

“

*Walaupun bukan semua harga barang boleh distabilkan melalui undang-undang dalam negara, tetapi persefahaman dan penglibatan dengan pemain industri mesti selalu berlaku.”*

Thailand dan Vietnam boleh hantar bantuan kecemasan kepada Malaysia, tapi kita tidak boleh bergantung pada mereka.

Apabila berlaku peperangan atau bencana besar, mereka pun ada rakyat dan fikir tentang soal keselamatan makanan mereka sendiri.

Jadi tanggungjawab asasi MAFI ialah memastikan negara cukup bekalan makanan.

**Dari segi keperluan makanan, contoh beras agak-agak berapa peratus sebenarnya kita boleh tampung untuk keperluan sendiri berbanding dengan keperluan untuk mengimport?**

Baru-baru ini saya ambil bahagian dalam rang undang-undang untuk meminda beberapa akta dalam Akta Lembaga Padi dan Beras Negara, menteri menjawab masih angka yang sama. Kita bergantung 70 peratus beras tempatan dan terpaksa import 30 peratus dari negara jiran.

Sebenarnya keadaan ini agak stabil kalau tidak berlaku bencana di samping kita meningkatkan teknologi, sawah dan pertanian moden yang boleh diaplikasikan, tapi pada masa saya menerajui Kementerian Pertanian, kita mengunjurkan dalam masa lima tahun, boleh naik sehingga 75 peratus.

**Apa masalahnya tentang food based agriculture, pemain industri kita banyak dalam bidang pembuatan, perumahan tetapi tidak dalam soal makanan?**

Sebab pada tahun 70-an dan 80-an dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB), kita menjadikan Malaysia sebagai negara industri. Dr Mahathir mahu fokus Wawasan 2020 dengan negara-negara maju, dengan polisi itulah kita bergerak. Jadi kalau tidak ada polisi yang jelas tentang keselamatan makanan, ia tidak boleh bergerak.

Ada dua kaedah boleh dilaksanakan, kita ada tanah terblar dan tanah Felda. Tanah terblar ini agak rumit selepas masuk Kementerian, kita lihat data, ada waris berkelahi, tanah faraid tidak selesai.

Pada masa itu, saya dengan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang mengetuai Kementerian termasuk Felda, sudah tiga kali mesyuarat di peringkat tertinggi.

Sememangnya tanah Felda ini praktikal untuk kita buat pertanian, dan dapat selesaikan isu *balance of trade* (BOT) mengenai import barangan makanan dari luar yang kerajaan belanjakan hingga RM60 bilion setahun. Dua Kementerian telah bersejua dan Petroliam Nasional Bhd (Petronas) juga pada waktu itu berminat untuk melabur.

**Saya hendak minta pandangan Datuk Seri tentang soal kenaikan harga barang dan tindakan kerajaan menarik balik subsidi beberapa barangan keperluan rakyat termasuk minyak masak dan sebagainya.**

Kerajaan buat keputusan tidak cermat, saya cakap sebab saya pernah duduk dalam MAFI, kena ada satu kajian walaupun kita perlu cepat.

Bila kita tarik semua AP ayam dan hentikan eksport ayam ke Singapura, sekarang berlaku lambakan ayam dalam negara, nak jual balik dengan Singapura mereka dah ada perjanjian baharu. Perkara ini sepatutnya perlu dibuat secara berperingkat, mulakan dengan kurangkan eksport 30 hingga 50 peratus ayam dahulu.



Tetapi bukankah lambakan itu menguntungkan pengguna, misalnya harga ayam akan turun jika mengikut mekanisme pasaran?

Betul, kalau berlaku lambakan, harga ayam akan menurun sedikit. Tetapi pemain industri sudah ada kontrak dengan negara luar.

Sebab itu dalam kementerian, kita menentukan polisi, kita tidak boleh ambil satu kumpulan yang berkepentingan. Pemain industri juga ada peranan mereka. Jika tidak, nanti akan berlaku masalah di mana kita tidak boleh mengimbangi kepentingan bersama.

Apakah pandangan Datuk Seri berkenaan kedudukan inflasi terutamanya yang melibatkan soal makanan. Ramai orang merungut harga barangan keperluan meningkat, apa yang seharusnya kita buat?

Sebenarnya, sewaktu saya (menjadi Menteri MAFI) dahulu, saya dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak boleh terpisah.

MAFI menjaga bekalan makanan; rianakala KPDNHEP menentukan dari segi penggunaan. Sebab itu, kami selalu memanggil pemain industri, itu amalan yang dibuat.

Kami adakan penglibatan dan pertemuan supaya dapat bertukar nota dan memastikan dengan kecukupan (bekalan) yang ada dan harga yang ditawarkan, harga dapat distabilkan.

Walaupun bukan semua harga barang boleh distabilkan melalui undang-undang dalam negara, tetapi persefahaman dan penglibatan dengan pemain industri mesti selalu berlaku.

Sebab itu, jika Kementerian yang terlibat tidak berjaya mengawal, atau menteriya tidak cukup masa, atau orientasinya bukan untuk menghadapi isu ini secara tuntas, ia akan berlarutan.

Sebab itu, kempen-kempen yang dibuat hari ini, contohnya Amanah sendiri membuat kempen supaya harga barang ditangani oleh kerajaan, ia mendapat respons yang baik daripada rakyat.

Ada pandangan mengatakan bahawa jika PH masuk ke gelanggang Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15), PH pada kali ini tidak sekukuh atau sekuat ketika masuk bertanding pada 2018. Apa pandangan Datuk Seri?

Ketika 2018, kita berjaya meyakinkan rakyat dengan seluruh kekuatan yang dibina dalam PH. Kita dikhianati, itu isunya. Jangan kata PH menjadi penyebab segala-galanya. Kita dikhianati oleh rakan-rakan yang dulunya mohon masuk dalam PH, selepas menang PRU14, mereka khianati kita dalam Langkah Sheraton.

Bayangkan kalau kita ada satu penggal dan semua menteri dapat menjalankan tugas dengan baik, saya rasa kita boleh memberikan rekod yang baik kepada negara, tetapi saya tidak mahu ulang lagi, ia sudah menjadi *water under the bridge*, jadi kita harus melihat ke hadapan.

Sekarang bagi saya kita fokus pada kekuatan PH. Berdasarkan Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka dan Johor, walaupun dengan isu Covid-19, peratusan mengundi kurang, rakyat takut keluar mengundi, pintu sempadan tidak dibuka lagi, penduduk Kuala Lumpur tidak boleh balik ke Melaka dan Johor, PH masih mempunyai prestasi yang boleh dibanggakan, walaupun kita kalah.



Salahuddin (kanan) menjawab soalan Johan pada program Bersama Johan Jaaffar yang berlangsung di Kompleks Kumpulan Karangraf, Shah Alam pada Rabu.

Kita harus kukuhkan PH, empat parti ini mesti dikukuhkan, yakin dan tidak perlu lagi mempertikaikan isu. Baru-baru ini ada pihak yang mengatakan, kalau nak masuk dalam khemah besar, mereka meletakkan syarat tidak mahu Perdana Menteri daripada PH.

Kita telah meletakkan satu garis yang kukuh. Kita PH dan bergerak atas nama PH. Yang (parti) lain, jika nak bersama kita, perlu satu lawan satu, ada persefahaman yang jelas, tidak mengganggu gugat persefahaman yang telah dibina dalam PH.

Saya yakin jika PRU15 diadakan sama ada pada tahun ini atau tahun hadapan, dengan rakyat kembali mengundi dengan 70 hingga 80 peratus, Covid-19 tidak lagi menjadi hambatan dan PH berjaya menampilkan prestasi yang baik, kita masih ada peluang.

Salah satu perkara yang banyak dibangkitkan ialah tentang sama ada orang Melayu akan kembali menyokong PH dan ramai orang Melayu yang mempunyai pandangan sendiri, misalnya dalam PH ada DAP. Apa komen Datuk Seri?

Saya tidak teruja dengan fakta itu, PH tidak perlu pun 50 peratus sokongan orang Melayu, kita hanya perlukan sekitar 20 hingga 25 peratus (sokongan) sahaja, sudah cukup untuk memerintah dengan kombinasi semua kaum.

Ini kerana, undi Melayu akan tetap terbahagi kepada tiga (parti) iaitu kepada UMNO, Pas dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu). Jadi, kita hanya perlu 20 peratus di mana peratusan itu tidak dapat kita capai di Melaka dan Johor.

Ambil itu sebagai makmal politik kita sebab peratusan keluar mengundi yang rendah, ditambah dengan (penularan) Covid-19. Jadi, jika kita berjaya untuk meyakinkan kembali rakyat, khususnya orang Melayu, jadi kita tidak ada apa-apa masalah.

Pandangan Datuk Seri tentang Undi18 yang sering diperkatakan bahawa undi ini akan merubah senario politik negara, tetapi ternyata ia tidak berlaku di Melaka dan Johor.

Johor telah membuktikan (Undi18) itu pertama kali dilaksanakan apabila dipinda dalam perlembagaan, beri pulang kepada orang muda. Tetapi saya nak ingatkan mereka bahawa ini adalah jasa PH untuk mengangkat martabat orang muda.

Mereka selalu menganggap mereka diajak menjadi satu kumpulan yang ber-

sama dalam membuat dasar negara, berikutan peluang untuk mengundi.

Namun begitu, kita tidak boleh berputus asa, saya rasa pendidikan politik itu sangat penting.

Jadi saya rasa ini peranan parti politik, NGO dan mana-mana pihak yang berperanan untuk menyedarkan golongan muda menggunakan hak mereka.

Apa pandangan Datuk Seri tentang sistem pengkaderan atau membawa masuk pimpinan baharu dalam parti Amanah?

Ya, kita terbuka, sebab itu dalam barisan kepimpinan baru-baru ini ada kekosongan, kita telah memberikan peluang kepada orang muda.

Semua orang tahu pada hari ini, kami Top 5 dalam Amanah dah masuk (umur) 60 tahun ke atas. Jadi, kita akan memberi peluang kepada orang muda.

Kita mengambil Adly Zahari yang mempunyai rekod baik di Melaka sebagai bekas Ketua Menteri di mana beliau sekarang menjadi Naib Presiden Amanah.

Kita ada ramai lagi wajah baharu yang harus diberi peluang seperti Ketua Pemuda Amanah, Mohd Hasbie Muda dan Ahli Majlis Pimpinan Pusat Amanah, Muhammad Faiz Fadzi.

Saya rasa ini semua tokoh yang akan membarisi kepimpinan Amanah pada masa akan datang.

Salah satu daripada perkara yang banyak diperkatakan adalah tentang kualiti ahli politik sekarang yang mempunyai defisit kepercayaan rakyat, apa sebenarnya yang berlaku? Adakah kerana pendidikan politik atau ini adalah bukti bahawa ahli politik kini sudah hilang bara idealismenya?

Siapa pun kita, ahli politik, golongan profesional atau sesiapa sahaja sendiri kena ingat. Bila kita duduk di tempat ini, pertama sekali, kita hilang privasi kerana di mana-mana orang akan kenal kita. Jadi, berjaga-jagalah.

Di luar atau dalam negeri, waktu malam atau siang, lebih-lebih lagi dengan teknologi sosial media, semua orang boleh cepat tahu tentang kita. Ada orang kata, semua orang politik tidak boleh dipercayai.

Sebagaimana profesion yang lain, tidak semua (yang tidak boleh dipercayai), masih ada tinggal teras yang boleh diberikan kepercayaan.

Saya tidak boleh kata siapa individu itu tetapi masa akan menentukan. Maknanya rakyat masih memerlukan kepimpinan politik yang baik dan berintegriti

untuk tampil menerajui negara.

Apa pandangan Datuk Seri tentang persepsi masyarakat bahawa korupsi begitu menakutkan dalam negara?

Tidak perlu pergi ke London, kalau pergi ke Seberang Tambak, Singapura atau Batam, apa orang luar kata pada kita hari ini? Kita telah menghadapi satu era di mana kita hilang teras kepercayaan yang sepatutnya ada pada Malaysia.

Satu masa dulu, negara terkenal dengan menteri yang berintegriti, dihormati, diplomat dan negara yang disegani, tetapi kita hancur kerana beberapa isu, misalnya skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Sebab orang nombor satu sendiri telah menghancurkan negara ini. Kita harus berdepan dengan semua ini. Orang tanya saya apa akan jadi kepada Malaysia? Mungkin kita perlu digadai macam Indonesia.

Adakah kita memerlukan waktu yang panjang untuk memastikan bahawa kita mencapai majoriti politik dan kestabilan sebenar?

Kita perlu pantas, belajar dengan Indonesia. Ambil contoh Presiden Indonesia, Joko Widodo atau lebih dikenali sebagai Jokowi. Tanya penduduk Indonesia, mengapa Jokowi berjaya?

Jawapan pertama adalah apabila Jokowi masuk dalam pejabat selama satu penggal, beliau terus bertindak.

Hampir 500 orang termasuk bekas menteri, bekas jeneral, bekas datuk bandar didakwa dan dimasukkan dalam penjara. Signalnya jelas, jangan main-main dengan Jokowi. Jadi, semua anggota pentadbiran ada rasa gerun untuk mengawal negara mereka. Hari ini mereka berjaya, tidak perlu lama.

Apakah kita perlu institusi atau mekanisme untuk buat apa yang dilakukan oleh Indonesia?

Kita ada satu institusi, iaitu rakyat. Mereka yang boleh mengundi semula sama ada tahun ini atau tahun hadapan. Jadi, kita harus beritahu rakyat, kita perlu ada dalam negara dan pimpinan yang baik untuk mereka.

Apa harapan Datuk Seri untuk masa hadapan negara?

Saya mengharap PH dapat kembali berkuasa, kita ada aset walaupun 22 bulan, saya yakin jika diberikan peluang, kita mampu buat jauh lebih baik daripada apa yang mereka ada pada hari ini.



## PERAK

## Kampung Penyu offers to share info

&gt; FROM PAGE 1

Noraishah said discussions were ongoing with Manjung Municipal Council to further promote the conservation centre as a tourist destination.

"Our department will handle the technical part of the project.

"The community can help raise awareness of turtle conservation in Perak, as well as lodge complaints.

"The conservation centre will be the second one in Perak after the Segari Turtle Sanctuary.

"We hope that the public will give us some time to set up the centre properly," she added.

**Collaboration offer**

Nizam said the Kampung Penyu group was willing to share information with the Fisheries Department.

"The group had initially wanted to set up the place as a tourism and research centre so that people from all over the world could come and visit the place, subsequently boosting the local economy.

"It is willing to share data and also manage the place for the department.

"It is not easy to get a group of people that have the same passion as Kampung Penyu in conservation.

"The Fisheries Department could collaborate with the group," he suggested, adding that they hope to see more green sea turtles and Olive Ridley turtles returning to the beach.

Rasli Ibrahim, who established the centre and founded Kampung Penyu, hoped that their hard work and efforts would not go to waste.

"I had consulted experts and researchers on how to take care of the turtles and we were also supported by local fishermen who would provide fresh food for the turtles," said the 66-year-old.

"We helped build this place with our own funds.

"Turtles are such sensitive animals that require a lot of attention. I was really sad to learn there were only five nests this year," said Rasli.

Kampung Penyu field officer Mohd Azrul Hafiq Rasli said they were willing to work with the department for free.

"Our concern is the safety of the turtles.

"Since the department has



A permanent building for the turtle conservation centre is being built in Pangkor. — Photos: RONNIE CHIN/The Star

Nizam says the number of turtle nests have declined steeply since the conservation centre was taken over by the Perak Fisheries Department in 2021.



Azrul says the group is willing to work with the department for free.



Rasli says local fishermen had been providing fresh food for the turtles.

fenced up the area, there is no one to monitor the place at night, when turtles usually come to the beach to lay their eggs.

"In fact, we have lodged two police reports about turtle eggs being stolen there before.

"We even confronted the thief and when we asked him to stop, he questioned our authority," he said. "Back when we were managing the place, we had volunteers and our staff would be at the centre all the time because we were worried about the turtles.

"We understand that the department may be understaffed, so we are offering our services for free for the sake of the turtles," Azrul added.

Businessman Beh Hong Gi, 40, hoped that the local community would be given a chance to take care of the new centre.

"I managed to join Rasli and his friends to clean up the beach several times. It is important to make sure the place where turtles lay eggs is clean.

"It made me happy to know that I was able to contribute and help the turtles.

"The Chinese community used to call Teluk Ketapang 'Turtle Bay' because the area is a natural habitat for turtles.

"As someone who grew up on the island, I was glad to hear we had people in our community taking care of the turtles," added Beh.

Pangkor Recreational Association deputy chairman Musa Jaafar urged the Fisheries Department to take care of the

conservation centre.

"I am a tourist guide in Pangkor and my goal is to get people to stay on the island for at least three days and two nights or even longer, as it will benefit the local economy.

"Before this, when tourists asked about places to visit in Pangkor, I would recommend the conservation centre since it was a unique attraction.

"But now we cannot go there anymore as the place is under construction," he said, adding that tourists often asked him about the place.

"When Rasli was still running the place, he often posted updates on social media to keep people informed of what was going on.

"Now that it is under the Fisheries Department, we have no idea what they plan to do with it," said Musa.



A trail left by nesting turtles at Teluk Ketapang being measured.



The turtle conservation and information centre is now managed by the state Fisheries Department.